

Index
No.

						-	
--	--	--	--	--	--	---	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS2EN/1

SECONDARY 2 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 5

BAHASA MELAYU
(KERTAS 1)

MALAY
(PAPER 1)

Additional Materials: Writing Paper

Total Time: 2 h

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Do not turn over this page until you are told to do so.
2. Follow all instructions carefully.
3. Write your answer in the Answer Book provided.
4. An approved dictionary may be used.




This question paper consists of 3 printed pages.

Jawab **dua** soalan, satu daripada **Bahagian A** dan satu daripada **Bahagian B**.

BAHAGIAN A (20 markah)

Arahan: Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada 100 patah perkataan berdasarkan **satu** daripada soalan-soalan berikut.

1. Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.



The image shows a screenshot of an email client interface. At the top, there is a toolbar with icons for menu, folders, trash, mail, star, lock, reply, reply all, and print. Below the toolbar, on the left, is a circular profile icon. To the right of the icon are three input fields: 'Kepada: khasidah.unang@gmail.com', 'Daripada: nizar.zakaria@pintar.com', and 'Subjek: Permainan Dahulu dan Sekarang'. Below these fields, the date 'Tarikh: 1 Jun 2016' is displayed. The main body of the email contains the following text:

Khasidah,

Apa khabar? Sudah lama kamu tidak mengirimkan e-mel kepada saya. Saya rasa kamu pasti sibuk mengimbangi kerja sekolah dengan aktiviti kokurikular di sekolah kamu.

Sebenarnya, saya ingin bertanya pendapat kamu tentang penerimaan permainan tradisional Melayu dalam kalangan generasi lebih muda. Kebanyakan belia masa kini lebih gemar bermain permainan komputer atau permainan moden seperti Monopoly.

Pada pendapat awak, bagaimana kita boleh menarik minat golongan remaja masa kini untuk bermain permainan tradisional? Saya harap kamu dapat menyarankan beberapa cara untuk menggalakkan golongan belia bermain permainan tradisional agar ia tidak luput ditelan masa.

Baiklah, sampai di sini sahaja e-mel saya kali ini. Saya menunggu balasan e-mel daripada kamu.

Sekian
Nizar

2. Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Sekolah kamu akan menyambut ulang tahunnya tidak lama lagi. Sebagai ketua kaunselor, kamu perlu menyarankan tentang aktiviti-aktiviti yang boleh dianjurkan sempena pesta ulang tahun tersebut.

Tulis e-mel kepada pengetua sekolah kamu untuk memberitahu cadangan kamu. Dalam e-mel kamu, jelaskan sebab-sebab kamu memilih kegiatan-kegiatan tersebut dan nyatakan kepentingan kegiatan tersebut bagi mempromosi sekolah kamu.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: alif-satar@pintar.com atau
aliffa-satar@pintar.com

Alamat penerima: Lim_Kuan_Min@schools.gov.sg

BAHAGIAN B (40 markah)

Arahan: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 200 patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini.

3. Sarankan cara-cara memelihara alam sekitar.
4. Gambarkan satu peristiwa di mana kamu dan keluarga saudara kamu berselisih faham. Jelaskan cara kamu menyelesaikan perselisihan faham itu.
5. Tulis sebuah karangan **bermula** dengan:

“Aku terhimpit di dalam bas yang amat sesak. Boleh sahaja aku tunggu bas seterusnya tetapi aku mahu pulang secepat mungkin untuk menyelesaikan segala tugas yang bertimbun-timbun. Tiba-tiba...”

SELESAI